

PENILAIAN KE ATAS HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM PENGAJIAN MENERUSI KAJIAN KELUAR: SATU KAJIAN KES DI POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYIAH

Wan Mustaffa bin Wan Yusoff

Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
wan_mustaffa@ptsb.edu.my

Mohd Fuad bin Osman

Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
mohd_fuad@ptsb.edu.my

Moriza binti Fikri

Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
moriza@ptsb.edu.my

ABSTRAK

Aspek penilaian adalah merupakan salah satu perkara penting yang diambil kira oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk memberi pengiktirafan kepada program-program yang dilaksanakan di institusi pengajian tinggi tempatan. Penilaian ini melibatkan pembangunan hasil pembelajaran program (PLO) dan pendekatan yang digunakan untuk menilai pencapaian PLO yang telah ditetapkan samada secara langsung atau tidak langsung. Bermula sesi Jun 2013, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSb) telah mula mengaplikasi penilaian secara langsung dengan menggunakan Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP). Sistem baharu ini akan untuk mengumpul markah dari penilaian berterusan (ujian, kuiz, tugas dan lain-lain) dan penilaian akhir berdasarkan hasil pembelajaran kursus (CLO). Data-data berkenaan diproses untuk menilai PLO secara langsung, tetapi ianya mengambil masa yang agak lama iaitu dari semester pertama hingga ke semester enam bagi satu-satu kohort. Oleh kerana SPMP adalah satu sistem yang baharu maka alternatif lain yang boleh digunakan untuk menilai pencapaian PLO (bermula sesi Julai 2010 hingga Disember 2012) adalah dengan menggunakan kajian keluar (exit survey). Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah penilaian PLO secara tidak langsung dengan menggunakan kajian keluar boleh digunapakai di PTSb. Kajian keluar berkenaan telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya di mana tahap alfa Cronbach yang cemerlang telah diperolehi. Selain dari itu, pembentukan kajian keluar ini juga telah dirujuk kepada beberapa pengkaji dari institusi pengajian tinggi awam tempatan. Kajian ini juga telah membuktikan bahawa program-program pengajian di PTSb telah berjaya mencapai tahap kualitinya di mana pencapaian PLOnya telah melebihi KPI yang telah ditetapkan.

Kata kunci: Hasil pembelajaran program, kajian keluar, MQA, Politeknik, Malaysia

1. PENGENALAN

Kebolehpasaran graduan adalah menjadi salah satu agenda utama dalam kalangan PPT di seluruh dunia. Tekanan ini terjadi disebabkan oleh keadaan ekonomi merudung dalam beberapa tahun kebelakangan ini yang membawa kepada kadar pengangguran yang tinggi di seluruh dunia (Tyson and Mennie, 2008). Di Malaysia, perkara yang sama dibincangkan, kekurangan kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan graduan telah menjadi salah satu penyebab kepada graduan menganggur (Hii, 2007; Subra, 2009). Demi menangani situasi ini, para graduan perlu untuk menyesuaikan diri mereka dengan keperluan kepada kemahiran kebolehpasaran. Ia merupakan pengharapan pihak industri di mana institusi pengajian tinggi seharusnya memperlengkapkan graduan mereka dengan kemahiran-kemahiran yang sepatutnya untuk mencapai kejayaan di alam pekerjaan, demikian pendapat Robinson & Garton (2007).

Dengan ini penghasilan graduan yang berkualiti menjadi fokus utama kepada semua insituti pengajian tinggi (IPT) tempatan. Mereka berusaha melahirkan graduan yang berpengetahuan dan berkemahiran teknikal serta generik yang tinggi tahap penguasaannya. Perkara yang sama juga terjadi di Amerika Syarikat (U.S), menurut Miller & Malendra (2006), mendapati graduan kolej di U.S masih kekurangan dalam kemahiran pemikiran kritikal, penulisan dan penyelesaian masalah.

Bagi mencapai hasil pembelajaran tersebut, komitmen sepenuhnya diberikan kepada pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan pembelajaran berasaskan hasil (OBE). Pendekatan ini termasuklah penilaian dan dokumen yang berkaitan dengan pencapaian hasil pembelajaran program (PLO) dan penggunaan maklumat berkenaan untuk penambahbaikan kualiti program pengajian yang ditawarkan (Cartwright et al. 2009). PLO adalah kenyataan yang menerangkan tentang apa jangkauan yang graduan akan tahu atau boleh buat sebaik sahaja tamat pengajian bagi sesuatu program yang diambilnya.

Oleh itu, IPT tempatan perlu merangka prosedur penilaian PLO yang sistematik dan melaksanakannya mengikut kehendak piawaian organisasi tertentu yang bertanggungjawab. Di Malaysia, badan yang bertanggungjawab tentang pelaksanaan jaminan kualiti di kalangan institusi pengajian tinggi awam atau swasta adalah Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Salah satu peranan utama MQA adalah menilai pencapaian hasil pembelajaran bagi program-program yang ditawarkan oleh insituti pengajian tinggi tempatan di negara ini. Bagi mendapat pengiktirafan agensi berkenaan, IPT tempatan mesti menyediakan bukti-bukti tentang pencapaian PLO yang telah dilaksanakan. Piawaian minimum yang perlu dipatuhi ada dinyatakan dalam Kod Amalan Akreditasi Program (2010).

1.1 PERNYATAAN MASALAH

Pemalah di kalangan graduan adalah kesukaran mendapat kerja disebabkan oleh kekurangan kemahiran kebolehpasaran. Latisha & Surina (2010) berpendapat, kemahiran kebolehpasaran sebagai nilai-nilai personal, kemahiran penyelesaian masalah dan membuat keputusan, kemahiran interpersonal, kemahiran berkomunikasi, mementingkan kesihatan dan keselamatan, dan komitmen kepada kerja. Dengan ini, kemahiran tersebut perlu diterapkan dalam program-program pengajian. Penilaian ke atas penguasaan kemahiran kebolehpasaran oleh pelajar setelah mengikuti satu-satu program adalah sangat penting dan ini dipersetujui oleh Leonard et al. (2004) menyatakan bahawa penilaian ke atas program pengajian oleh pelbagai pihak

berkepentingan adalah satu aktiviti penting dalam proses pembangunan program secara berterusan.

Penilaian PLO adalah aktiviti yang agak rumit. Menurut Rogers (2002), penilaian adalah satu proses yang bermula dengan mengenalpasti, mengumpul, menganalisa dan melaporkan data-data yang boleh digunakan untuk menilai pencapaian. Selanjutnya proses ini akan lebih lengkap lagi apabila disusuli dengan tindakan penambahbaikan yang berterusan (CQI). Tambahan lagi menurut Merhout et al. (2008), penilaian ini menjadi lebih kompleks lagi apabila melibatkan pembangunan PLO dan pendekatan yang digunakan untuk menilai pencapaian PLO yang telah ditetapkan samada secara langsung atau tidak langsung.

Permasalahan yang timbul adalah tentang penggunaan pendekatan penilaian PLO iaitu samada pendekatan secara langsung atau tidak langsung akan digunakan. Rogers (2006) memberi pentakrifan pendekatan secara langsung adalah kaedah pemeriksaan dan pemerhatian secara terus ke atas pengetahuan dan kemahiran pelajar. Ini merupakan pendekatan yang objektif di mana markah ujian, kuiz dan laporan diambilkira. Pendekatan ini boleh memberi bukti yang kukuh terhadap pengukuran pencapaian PLO. Bagi pendekatan penilaian tidak langsung pula, ianya lebih tertumpu kepada nilai pengalaman pembelajaran. Pengetahuan dan kemahiran pelajar dinilai melalui maklumat berasaskan persepsi pelajar tentang pembelajaran. Pendekatan ini boleh dikatakan satu pendekatan yang subjektif.

Gabungan pendekatan objektif dan subjektif akan memantapkan lagi penilaian ke atas PLO. Namun begitu setiap pendekatan ada limitasinya tersendiri. Bermula sesi Jun 2013, PTSB telah mula mengaplikasi satu sistem iaitu Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP). Sistem baharu ini akan mengenalpasti dan mengumpul markah dari penilaian berterusan (ujian, kuiz, tugasan dan lain-lain) dan penilaian akhir berdasarkan hasil pembelajaran kursus (CLO). Data-data berkenaan diproses untuk menilai PLO secara langsung, tetapi ianya mengambil masa yang agak lama iaitu dari semester pertama hingga ke semester enam bagi satu-satu kohort.

Oleh kerana SPMP adalah sistem yang baharu maka alternatif lain yang boleh digunakan untuk menilai pencapaian PLO (bermula sesi Julai 2010 hingga Disember 2012) adalah dengan menggunakan kajian keluar (exit survey). Kajian keluar adalah merupakan satu kaedah mengumpul maklumat tentang kualiti graduan dari persepektif mereka sepanjang pengajian sehingga tamat program pengajian (Azah et al. 2012). Persoalannya adalah tentang kesahan kajian keluar dalam mengukur tahap pencapaian PLO dan keupayaan pencapaian PLO bagi setiap program di PTSB.

1.2 KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka teori bagi kajian ini adalah berdasarkan kepada model yang dikemukakan oleh Azah et al. (2012) dalam "Graduate Students' Perspectives on Study Environment Based on Exit Survey". Model ini menyatakan hasil kajian keluar yang telah dilaksanakan ke atas graduan sarjana dan kedoktoran di Fakulti Kejuruteraan dan Built Environment, UKM boleh mengukur semua PLO yang telah ditetapkan. Dalam kajian ini program diploma bagi jabatan-jabatan seperti Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) dan Jabatan Perdagangan (JP) sebagai pembolehubah tidak bersandar (bebas) dengan pencapaian PLO sebagai pembolehubah bersandar.

1.3 TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini secara umumnya untuk menentukan kesahan kajian keluar dalam menilai pencapaian PLO di PTSB. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah:

- untuk mengukur pencapaian PLO bagi program-program di JKE.
- untuk mengukur pencapaian PLO bagi program-program di JKM.
- untuk mengukur pencapaian PLO bagi program-program di JKA.
- untuk mengukur pencapaian PLO bagi program-program di JP.

2. METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu kajian kes. Merujuk kepada Uma Sekaran (2003), kajian kes adalah analisis kontekstual daripada situasi bersamaan dalam organisasi-organisasi lain, di mana semulajadi dan definisi terhadap masalah yang terjadi akan menjadi pengalaman yang sama dalam situasi semasa. Sejumlah 459 orang pelajar yang akan menamatkan pengajian di peringkat diploma dari Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) telah menjadi responden dalam kajian ini. Responden ini merupakan kohort pertama (sesi Julai 2010) yang melaksanakan pendekatan pembelajaran secara OBE. Pengumpulan data dibuat menggunakan soal selidik untuk mengukur pencapaian PLO bagi sebelas program pengajian di PTSB.

Pengkaji membina instrumen soal selidik yang mengandungi beberapa bahagian iaitu A (maklumat peribadi responden), B (maklumat aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan), C (maklumat hasil pembelajaran program), dan D (perancangan setelah tamat pengajian). Persepsi pelajar akan dikira berasaskan "Likert Scale" bermula dengan 1 (strongly disagree) hingga 4 (strongly agree). Item-item dalam bahagian A, B, C dan D ini kebanyakannya telah diambil daripada soal selidik Azah et al. (2012) dan kemudiannya telah diubahsuai oleh pengkaji bagi memenuhi tujuan kajian ini.

Bagi menilai pencapaian, peratusan jawapan untuk setiap PLO dikenalpasti. Satu "Key Performance Indicator" (KPI) dalam peratusan minimum yang telah ditetapkan oleh setiap jabatan bagi menentukan pencapaian PLO berkenaan. Semua jabatan bersetuju dengan nilai KPI = 50 peratus bagi sesi pengambilan pertama iaitu sesi Julai 2010 (Arahan-arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian, 2009). Sekiranya dapatan kajian itu melebihi KPI yang telah ditetapkan, bermakna PLO berkenaan telah dicapai. Sebaliknya, hasil dapatan yang kurang dari KPI dikatakan PLO tersebut tidak dicapai.

Data-data daripada soal selidik dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Programme for Social Studies*). Kajian rintis ke atas responden telah dijalankan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Selain dari itu, data yang diperolehi dari kajian ini juga dianalisa secara diskriptif.

3. DAPATAN ANALISIS

Dapatan menunjukkan responden kajian terdiri dari pelajar yang akan tamat tempoh pengajian program diploma di PTSB. Pelajar dari Jabatan Perdagangan adalah responden yang paling ramai iaitu seramai 193 orang. Responden lelaki adalah seramai 38 orang dan perempuan pula adalah seramai 155 orang. Jabatan yang paling sedikit bilangan respondennya adalah dari Jabatan Kejuruteraan Awam iaitu seramai 35 orang. Responden lelaki adalah seramai 16 orang manakala perempuan adalah seramai 19 orang. Perkara ini terjadi disebabkan pada masa kajian ini dijalankan para pelajar DKA sedang menjalani Latihan Industri pada semester akhir mereka.

Kajian ini juga menganalisa tentang kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan. Setiap item yang terdapat dalam instrumen berkenaan mempunyai nilai alfa cronbach yang melebihi 0.9 dan secara keseluruhannya adalah pada nilai 0.950. Maklumat secara terperinci boleh dirujuk pada Jadual 1.

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengukur pencapaian PLO bagi program-program di semua jabatan. Jadual 2 menunjukkan skor min dan peratusan pencapaian PLO bagi program DAT, DPM dan DPR di Jabatan Perdagangan. Didapati bahawa pencapaian PLO bagi program DPR mengatasi program-program lain dengan 84.9 peratus. Diikuti dengan program DAT sebanyak 82.4 peratus dan DPM sebanyak 80.9 peratus.

Jadual 1: Nilai Alfa Cronbach Instrumen

Bilangan Soalan	Nilai Alfa Cronbach	Bilangan Soalan	Nilai Alfa Cronbach
Q1	.946	Q11	.946
Q2	.949	Q12	.945
Q3	.947	Q13	.946
Q4	.947	Q14	.946
Q5	.946	Q15	.947
Q6	.947	Q16	.946
Q7	.947	Q17	.946
Q8	.948	Q18	.946
Q9	.946	Q19	.946
Q10	.946	Q20	.963
Q11	.946	Jumlah	.950

Jadual 2: Pencapaian PLO bagi Program Diploma di Jabatan Perdagangan

Jabatan	Program		PLO 1	PLO 2	PLO 3	PLO 4	PLO 5	PLO 6	PLO 7	PLO 8	PLO 9	PURATA
Perdagangan	DAT	Min	3.35	3.24	3.31	3.28	3.28	3.26	3.28	3.32	3.35	3.3
		%	83.75	81	82.75	82	82	81.5	82	83	83.75	82.4
	DPM	Min	3.17	3.14	3.24	3.21	3.28	3.24	3.34	3.21	3.28	3.2
		%	79.25	78.5	81	80.25	82	81	83.5	80.25	82	80.9
	DPR	Min	3.44	3.36	3.42	3.34	3.42	3.37	3.42	3.36	3.43	3.4
		%	86	84	85.5	83.5	85.5	84.25	85.5	84	85.75	84.9

Jadual 3 menunjukkan skor min dan peratusan pencapaian PLO bagi program DEM, DKM dan DTP di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Program DEM didapati mendahului program-program iaitu sebanyak 88.8 peratus, DTP sebanyak 88.2 peratus dan DKM sebanyak 83.3 peratus.

Jadual 4 menunjukkan skor min dan peratusan pencapaian PLO bagi program DEP, DET dan DTK di Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Didapati bahawa pencapaian PLO bagi program DEP mengatasi program-program lain dengan 88.8 peratus. Diikuti dengan program DET sebanyak 85.4 peratus dan DTK sebanyak 83.5 peratus.

Jadual 3: Pencapaian PLO bagi Program Diploma di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

Jabatan	Program		PLO 1	PLO 2	PLO 3	PLO 4	PLO 5	PLO 6	PLO 7	PLO 8	PLO 9	PURATA
Kej Mekanikal	DEM	Min	3.57	3.57	3.57	3.54	3.57	3.57	3.51	3.57	3.49	3.6
		%	89.25	89.25	89.25	88.5	89.25	89.25	87.75	89.25	87.25	88.8
	DKM	Min	3.34	3.38	3.41	3.31	3.31	3.28	3.25	3.31	3.38	3.3
		%	83.5	84.5	85.25	82.75	82.75	82	81.25	82.75	84.5	83.3
	DTP	Min	3.53	3.53	3.5	3.5	3.61	3.5	3.45	3.53	3.61	3.5
		%	88.25	88.25	87.5	87.5	90.25	87.5	86.25	88.25	90.25	88.2

Jadual 4: Pencapaian PLO bagi Program Diploma di Jabatan Kejuruteraan Elektrik

Jabatan	Program		PLO1	PLO2	PLO3	PLO4	PLO5	PLO6	PLO7	PLO8	PLO9	PURATA
Kej Elektrik	DEP	Min	3.47	3.45	3.47	3.37	3.26	3.45	3.39	3.42	3.45	3.4
		%	86.75	86.25	86.75	84.25	81.5	86.25	84.75	85.5	86.25	85.4
	DET	Min	3.54	3.53	3.54	3.57	3.51	3.53	3.49	3.62	3.63	3.6
		%	88.5	88.25	88.5	89.25	87.75	88.25	87.25	90.5	90.75	88.8
	DTK	Min	3.44	3.33	3.5	3.33	3.33	3.28	3.28	3.28	3.28	3.3
		%	86	83.25	87.5	83.25	83.25	82	82	82	82	83.5

Jadual 5 menunjukkan skor min dan peratusan pencapaian PLO bagi program DKA dan DUT di Jabatan Kejuruteraan Awam. Program DKA didapati melebihi dengan peratusannya sebanyak 88.6 peratus dan DUT sebanyak 78.7 peratus.

Jadual 5: Pencapaian PLO bagi Program Diploma di Jabatan Kejuruteraan Awam

Jabatan	Program		PLO1	PLO2	PLO3	PLO4	PLO5	PLO6	PLO7	PLO8	PLO9	PURATA
Kej Awam	DKA	Min	3.6	3.6	3.7	3.3	3.7	3.6	3.4	3.4	3.6	3.5
		%	90	90	92.5	82.5	92.5	90	85	85	90	88.6
	DUT	Min	3.2	3.2	3.2	3.08	3.16	3.16	3.04	3.12	3.16	3.1
		%	80	80	80	77	79	79	76	78	79	78.7

4. PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa instrumen kajian yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Indeks kebolehpercayaan bagi instrumen dinilai berdasarkan nilai koefisien alfa ke atas soalan yang dikemukakan kepada responden. Menurut George & Mallery (2003), berikut ini disediakan peraturan yang boleh diikuti iaitu “_ > .9 – Excellent, _ > .8 – Good, _ > .7 – Acceptable, _ > .6 – Questionable, _ > .5 – Poor, and _ < .5 – Unacceptable”. Termaktub juga dalam peraturan ini tentang alfa cronbach yang tinggi menunjukkan konsistensi dalaman yang baik terdapat dalam soalan-soalan yang dikemukakan. Dengan dapatan nilai koefisien alfa sebanyak 0.95 bagi kajian ini, ia menunjukkan bahawa soal selidik yang digunakan dalam kajian ini boleh digunakan bagi tujuan penilaian pencapaian PLO bagi semua program di PTSB.

Keputusan yang diperolehi dari kajian keluar yang telah dilaksanakan adalah mewakili pencapaian pelajar terhadap PLO bagi semua program di PTSB di mana

semuanya melebihi KPI yang telah ditetapkan. Hakikat ini terbukti dengan kajian-kajian yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Menurut kajian yang telah dibuat oleh Afida Ayob et al. (2011) dan Nader (2005), mendapati strategi keluar termasuk kajian keluar telah terbukti berjaya sebagai satu pengukuran yang sah ke atas pencapaian PLO.

Hasil kajian ini juga mendapati pencapaian PLO bagi program DPM, DKM, DTK dan DUT ada sedikit perbezaan berbanding dengan program-program lain. Selain dari itu, antara sembilan PLO yang tersenarai di dapati PLO4 dan PLO7 bagi program DUT mencatatkan nilai pencapaian yang agak rendah. Dengan fenomena ini, pihak yang terlibat dengan program-program berkenaan perlu berbincang untuk mencari punca kepada masalah yang dihadapi dan mencadangkan beberapa penambahbaikan untuk dilaksanakan. Menurut Mazzei (2008), data yang terkumpul dari strategi keluar termasuk kajian keluar boleh memberi maklumbalas yang sangat berguna seperti kepuasan pekerja, prestasi pengurusan, gaji dan kemudahan dalam satu sistem persekolahan.

5. KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah penilaian PLO secara tidak langsung dengan menggunakan kajian keluar boleh digunapakai di PTSB. Kajian keluar berkenaan telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya di mana tahap alfa cronbach yang cemerlang telah diperolehi. Selain dari itu, pembentukan kajian keluar ini juga telah dirujuk kepada beberapa pengkaji dari insitisi pengajian tinggi awam tempatan. Kajian ini juga telah membuktikan bahawa program-program pengajian di PTSB telah berjaya mencapai tahap kualitinya di mana pencapaian PLOnya telah melebihi KPI yang telah ditetapkan.

Demi memantapkan lagi kajian ini, dicadangkan ujian keluar (exit test) diadakan bersama-sama dengan kajian keluar. Selain dari itu kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian PLO juga boleh dikaji seperti aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan-kemudahan pengajian dan pembelajaran yang disediakan oleh pihak jabatan.

RUJUKAN

- Afida Ayob, Hamimi Fadziati Abd Wahab, Norhana Arsad, Ahmad Ashrif A Bakar & Hafizah Husain (2011). Assessment of student program outcomes through a comprehensive exit strategy. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 18, 33-38.
- Azah Mohamed, Fathihah Suja & Abdul Halim Ismail (2012). Graduates students' perspectives on study environment based on exit survey. *Asian Social Science*; Vol. 8, No. 16, 200-208.
- Arahan-arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian (2009). Jabatan Pengurusan Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Cartwright, R., Weiner, K. & Streamer-Veneruso, S. (2009). *Students Learning Outcomes Handbook*, Montgomery College, Montgomery, Maryland.
- George, D., & Mallery, P. (2003). *SPSS for Windows step by step: A simple guide and reference*. 11.0 update (4th ed.). Boston: Allyn & Bacon, 231.

- Hii, C. (2007). Need to resolve mismatch in the job market. *The Star Online*. <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=2007/11/11/nation/19444550&sec=nation>. Accessed 4 February 2009
- Kod Amalan Akreditasi Program (2010).
- Latisha Asmaak Shafie & Surina Nayan (2010). Employability awareness among Malaysian undergraduates. *International Journal of Business and Management*, Vol. 5, No. 8, 119-123.
- Leonard, M.S., Nault, E.W. (2004). An integrated approach to evaluation of program educational objectives and assessment of program outcomes using ABET criteria for accreditation of engineering programs. *ASEE Annual Conference Proceedings: Engineering Education Researches New Height*, 7543-7553
- Mazzei, J. (2008). Making the most of exit surveys. *ProQuest Education Journals*, 65(8):42
- Merhout, J., Benamati, J., Rajkumar, T.M., Anderson, P. & Marado, D. (2008). Implementing direct and indirect assessment in the MIS curriculum. *Communications of Information System* 23 (Article 24).
- Miller, C. & Malendra, G. (2006). A national dialogue: The secretary of education's commission on the future of higher education, Issue Paper 2. *Accountability/Assessment*. Washington, D. C.: U.S. Department of Education.
- Nader Al-Bastaki (2005). Assessment of the engineering programs by senior exit surveys at University of Bahrain. *Regional Conference on Engineering Education*, Johor, Malaysia, pp.343-347.
- Robinson, J. S., & Garton, B. L. (2007). An assessment of the employability-skills needed by college of agriculture, food and natural resources graduates at the University of Missouri-Columbia. *Proceedings of the AAAE Research Conference*, Vol 34
- Rogers, G. (2002). The language of assessment: Humpty Dumpty had a great fall. *ABET Communications Link Quarterly*, 8.
- Rogers, G. (2006). Assessment 101-Direct and indirect assessment, what are they good for?. *ABET Community Matters United States of America*, ABET:3.
- Subra: Graduates lack dynamism and edge (2009). *The Star Online*. <http://thestar.com.my/news/stoy.as?file=/2009/2/16/nation/3275865&sed=nation>. Accessed 17 February 2009
- Tyson, S., & Mennie, P. (2008, October). Global market outlook. *Global Intelligence*. http://www.mfcglobal.com/pdf/global_intelligence_q4_08.pdf. Accessed 4 January 2009.
- Umar Sekaran (2003). *Research methods for business*, fourth edition. New York: John Wiley & Son, 35